

PENGESAHAN

“Saya akui bahawa saya telah membaca karya ini dan pada pandangan saya ini adalah memadai dari skop dan kualiti untuk tujuan penganugerahan Ijazah Sarjana Muda Pendidikan (Bimbingan dan Kaunseling) dengan Kepujian”

Pengakuan Penyelia Projek Tahun Akhir

.....

 05-4506832  pustaka.upsi.edu.my  Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah  PustakaTBainun  ptbupsi

(DR. MD NOOR BIN SAPER)

Pengakuan Penyelaras Projek Tahun Akhir

.....

(DR. MAZITA BINTI AHMAD)

Tarikh: / /2023

PENGAKUAN

“Saya akui karya ini adalah hasil kerja saya sendiri kecuali nukilan dan ringkasan
yang tiap-tiap satunya telah saya jelaskan sumbernya”

.....

MOHAMAD AZIMUDDIN BIN ABDUL WAHAB

D20182085584



PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN PROJEK TAHUN AKHIR

Perakuan ini telah dibuat pada: 24 Februari 2023

i. Perakuan pelajar :

Saya, Mohamad Azimuddin bin Abdul Wahab (D20182085584) Fakulti Pembangunan Manusia (FPM) dengan ini mengaku bahawa disertasi/tesis yang bertajuk **Kompetensi Kaunselor Terhadap Pendekatan Kaunseling Perspektif Islam Dalam Kalangan Kaunselor Pelatih** hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dilakukan secara urusan yang wajar dan bagi maksud yang dibenarkan dan apa-apa petikan, ekstrak, rujukan atau pengeluaran semula daripada atau kepada mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dinyatakan dengan se jelasnya dan secukupnya.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Tandatangan pelajar

ii. Perakuan Penyelia:

Saya, Dr. Md Noor bin Saper mengesahkan bahawa hasil kerja pelajar yang bertajuk **Kompetensi Kaunselor Terhadap Pendekatan Kaunseling Perspektif Islam Dalam Kalangan Kaunselor Pelatih** dihasilkan oleh pelajar seperti nama di atas, dan telah diserahkan kepada Fakulti Pembangunan Manusia (FPM) bagi memenuhi sebahagian/ sepenuhnya syarat untuk memperoleh Ijazah Sarjana Muda Pendidikan (Bimbingan Dan Kaunseling) Dengan Kepujian.

24 FEBRUARI 2023

Tarikh

Tandatangan Penyelia



PENGHARGAAN

Bersyukur kepada Allah S.W.T kerana dengan izin dan kurniaNya saya dapat menyiapkan kajian ini seperti yang dirancang meskipun pelbagai dugaan dan cabaran yang dihadapi sepanjang tempoh penulisan ini dihasilkan.

Setinggi-tinggi penghargaan ribuan terima kasih saya ucapkan kepada pensyarah UPSI yang memberikan tunjuk ajar dan bimbingan kepada saya sepanjang tempoh penulisan kajian ini terutamanya kepada penyelia saya Dr. Md Noor bin Saper kerana sentiasa bersedia memberi dorongan, pandangan dan kerjasama sepanjang saya menyiapkan kajian ini. Segala jasa, ilmu, pengalaman serta nasihat yang diberikan tidak mungkin saya akan lupakan dan hanya kepada Allah S.W.T sahaja yang membalasnya. Tanpa tunjuk ajar daripada beliau sudah pasti kajian ini tidak akan terhasil.



Ribuan terima kasih juga diucapkan kepada pihak keluarga saya yang disayangi kerana telah menjadi satu sistem sokongan yang seringkali memberikan kekuatan serta dorongan motivasi dalam perjuangan ini. Sepenuh penghargaan juga ditujukan kepada ayahanda dan ibunda saya iaitu Encik Abdul Wahab bin Mat dan Puan Rosnani binti Abdul Malek yang banyak berkorban dari segi kewangan, masa serta menjadi sumber kekuatan sepanjang tempoh pengajian dan penulisan kajian ini.

Akhir sekali, ucapan penghargaan dan terima kasih saya tujukan kepada rakan seperjuangan saya sepanjang dalam bidang pengajian Ijazah Sarjana Muda Pendidikan (Bimbingan dan Kaunseling) dengan Kepujian iaitu ahli Kaunsera yang membantu saya dalam proses menyiapkan kajian ini. Sesungguhnya pengalaman yang diperolehi melalui proses ini sukar digambarkan dengan kata-kata.

Sekian Terima Kasih.





ABSTRAK

Tujuan kajian adalah untuk mengetahui kompetensi kaunselor yang menggunakan pendekatan perspektif Islam dalam kalangan kaunselor pelatih dan perkhidmatan. Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif dengan reka bentuk kajian kes untuk mengetahui kompetensi tersebut. Kaedah temubual separa berstruktur kepada tiga orang sebagai peserta kajian yang dijalankan dalam proses pengumpulan data bagi proses tersebut dilakukan. Penyelidik akan menyasarkan dalam kalangan kaunselor pelatih di UPSI yang memenuhi kriteria yang telah ditetapkan. Dapatan kajian menunjukkan sebanyak tiga tema telah terhasil iaitu kompetensi kaunselor muslim dalam pelaksanaan kaunseling perspektif Islam melalui pengetahuan kompetensi kaunselor berperspektif Islam, satu proses terapeutik yang berlandaskan syariat, pendekatan dan kemahiran kaunseling berasaskan Islam dan menampilkan personaliti kaunselor berdasarkan al-Quran dan as-Sunnah, kemahiran kaunseling perspektif Islam dalam sesi kaunseling dan cabaran yang dihadapi kaunselor berkaitan kompetensi kaunseling perspektif Islam. Implikasi kajian terhadap bidang kelimuan kaunseling, kompetensi kaunseling dan pengamal kaunseling dan klien itu sendiri. Kajian ini secara khusus menjadi satu medium bagi pengamal untuk meningkatkan tahap keilmuan berkaitan kompetensi, pengetahuan serta kemahiran berkaitan perspektif Islam.



COUNSELOR COMPETENCES REGARDING ISLAMIC PERSPECTIVE COUNSELING APPROACH AMONG COUNSELOR TRAINEE

ABSTRACT

The purpose of the study is to find out the competence of counselors who use an Islamic perspective approach among trainee and service counselors. This study uses a qualitative approach with a case study design to find out the competence. A semi-structured interview method to three people as research participants conducted in the data collection process for the process. Researchers will target trainee counselors at UPSI who meet the criteria that have been set. The findings of the study show that three themes have emerged, namely the competence of Muslim counselors in the implementation of counseling from an Islamic perspective through the knowledge of the competence of counselors from an Islamic perspective, a therapeutic process based on sharia, approaches and counseling skills based on Islam and featuring the counselor's personality based on the Qur'an and the Sunnah, Islamic perspective counseling skills in counseling sessions and challenges faced by counselors related to Islamic perspective counseling competence. Implications of the study on the field of counseling skills, counseling competence and counseling practitioners and clients themselves. This study specifically becomes a medium for practitioners to increase the level of knowledge related to competence, knowledge and skills related to Islamic perspective.

ISI KANDUNGAN

	Muka Surat
PENGAKUAN	i
PERAKUAN	ii
PENGHARGAAN	iv
ABSTRAK	v
ABSTRACT	vi
KANDUNGAN	viii
SENARAI RAJAH	xiii
SENARAI SINGKATAN	xiv
SENARAI LAMPIRAN	xv
BAB 1 PENGENALAN	
1.1 Pendahuluan	1
1.2 Latar Belakang Kajian	2
1.3 Pernyataan Masalah	8
1.4 Tujuan Kajian	14
1.5 Objektif Kajian	15
1.6 Persoalan Kajian	15
1.7 Definisi Istilah (Definisi Pemboleh Ubah)	16
1.8 Kepentingan Kajian	21
1.8.1. Kepentingan Kepada Perkembangan Ilmu dan Teori	21
1.8.2. Kepentingan terhadap Perkembangan Bimbingan Dan Kaunseling	22
1.8.3. Kepentingan Kepada Masyarakat	23
1.9 Batasan Kajian	24
1.10 Kerangka Konseptual Kajian	25
1.11 Rumusan	27

BAB 2 TINJAUAN LITERATUR

2.1 Pengenalan	28
2.2 Pendekatan Teori	29
2.3 Kajian Literatur	
2.3.1 Kompetensi Kepada Kaunselor dan Kaunseling Agama	30
2.3.2 Kompetensi Kemahiran dan Kaunseling Perspektif Islam	35
2.4 Rumusan	38

BAB 3 METODOLOGI

3.1 Pengenalan	40
3.2 Menggunakan Kaedah Kualitatif	41
3.3 Populasi Kajian dan Sampel Kajian	42
3.4 Kriteria Peserta Kajian	44
3.5 Instrumen Kajian	45
3.5.1 Temu Bual	45
3.5.1.1 Soalan Protokol Temubual untuk Peserta Kajian	46
3.6 Peranan Pengkaji	49
3.6.1 Suara Peserta	50
3.7 Prosedur Pengumpulan Data	51
3.7.1 Strategi Keselamatan dan Maklumat Sulit Peserta Kajian	51
3.7.1.1 Menyediakan Borang Persetujuan Termaklum	51
3.7.2 Strategi Penyimpanan	52
3.7.3 Prosedur Pengumpulan Data	53
3.7.4 Analisis Data	54
3.8 Rumusan	57

BAB 4 DAPATAN KAJIAN

4.1 Pengenalan	58
4.2 Pengetahuan Kompetensi Kaunselor Berperspektif Islam	59
4.2.1 Satu Proses Terapeutik yang Berlandaskan Syariat	60
4.2.2 Pendekatan dan Kemahiran Kaunseling Berasaskan Islam	63
4.2.3 Menampilkan Personaliti Kaunselor Berdasarkan Quran Dan Sunnah	64
4.3 Kemahiran Kaunseling Perspektif Islam Dalam Sesi Kaunseling	66
4.4 Cabaran yang Dihadapi Kaunselor Berkaitan Kompetensi Kaunseling Perspektif Islam	68
4.4.1 Cabaran Dari Segi Pengamal Kaunseling	68
4.4.2 Cabaran Dari Klien Sendiri	70
4.5 Rumusan	71

BAB 5 PERBINCANGAN, KESIMPULAN DAN CADANGAN

5.1 Pengenalan	74
5.2 Ringkasan Kajian	75
5.3 Perbincangan Kajian	
5.3.1 Kompetensi Kaunselor Muslim dalam Pelaksanaan Kaunseling Perspektif Islam	77
5.3.2 Kompetensi Kemahiran dalam Pelaksanaan Perspektif Islam Dalam Sesi Kaunseling	82
5.3.3 Cabaran Kompetensi Kaunselor Muslim Dalam Memberikan Perkhidmatan Perspektif Islam	86
5.4 Implikasi Kajian	
5.4.1 Implikasi Terhadap Bidang Keilmuan Kaunseling	92

5.4.2 Implikasi kepada Kompetensi Kaunseling	94
5.4.3 Implikasi Terhadap Pengamal Kaunseling Dan Klien	95
5.5 Cadangan Penyelidikan Pada Masa Yang Akan Datang	97
5.6 Rumusan	98
RUJUKAN	99
LAMPIRAN	

SENARAI RAJAH

No.Rajah		Muka Surat
1.1	Kerangka Konseptual Kajian	26
3.1	Tiga C's untuk Data Analisis: Kod Kategori Dan Konsep	55
3.2	Proses Memasukkan Kod Awal	56

SENARAI SINGKATAN

ACA	<i>American Counseling Association</i>
APA	<i>American Psychological Association</i>
IPTA	Institut Pengajian Tinggi Awam
PKMAINS	Pusat Kaunseling Majlis Agama Islam Negeri Sembilan
JAKIM	Jabatan Kemajuan Agama Islam

SENARAI LAMPIRAN

- A Surat Kebenaran Menjalankan Kajian
- B Senarai Semak Kaunseling Perspektif Islam
- C Protokol Temu Bual
- D Contoh Transkrip Temu Bual
- E Proses Memasukkan Kod Awal
- F Analisis Kod



BAB 1

PENGENALAN



1.1 Pendahuluan

Bab ini membincangkan tentang pengenalan tajuk kajian iaitu berkaitan pendekatan perspektif Islam iaitu meneroka kompetensi kaunselor. Bab ini mengandungi sub topik berkaitan dengan latar belakang kajian, pernyataan masalah, tujuan atau objektif kajian, persoalan kajian, definisi istilah iaitu definisi pemboleh ubah, limitasi kajian, kerangka konseptual kajian dan diakhiri dengan rumusan kajian.





1.2 Latar Belakang Kajian

Darsawarsa ini masyarakat Malaysia sering mengalami ketidakseimbangan psikologi, emosi dan kognitif sehingga menimbulkan masalah seperti kecelaruan jiwa secara dasarnya mempunyai hubungan dengan konflik peribadi seperti kewangan, penceraian dan isu semasa malah berhadapan dengan wabak covid-19 yang telah melanda di negara kita. Peningkatan kos taraf hidup juga telah menyebabkan masyarakat mengeluh akibat daripada kemerosotan ekonomi yang semakin kronik yang berlaku di negara kita. Selain itu juga, mahasiswa di kolej mahupun di universiti telah mengalami situasi yang sama. Ia menimbulkan kekeliruan pada pelajar apabila kehendak melebihi keperluan dan menyebabkan terpaksa berjimat cermat dalam kehidupan mereka. Konflik tersebut muncul disebabkan wujudnya kekeliruan dalam mengenalpasti barangan keperluan mahupun kehendak berikutan kurangnya ilmu tentang pengurusan kewangan dalam diri mereka (Amy Dacyczyn, 2011).

Hal ini kerana, permasalahan yang berlaku disamping wabak yang semakin hari semakin meningkat telah memberikan impak negatif dalam pelbagai aspek kehidupan termasuklah dalam isu kesihatan mental manusia. Ia juga akan mengganggu tahap kesejahteraan secara langsung dan akan mempengaruhi seseorang dalam membuat pilihan dan keputusan dalam kehidupan, cara berkomunikasi dengan orang lain dan menyelesaikan masalah. Dalam mengejar kemajuan dan pembangunan dunia, didapati masyarakat terutamanya pelajar sering berhadapan dengan pelbagai masalah dalam kalangan remaja. Masalah yang dialami semakin hari kian meruncing seiring dengan kemajuan dalam bidang teknologi. Situasi yang dialami pada hari ini telah membawa



kepada satu penyelesaian dimana bahawa peranan perkhidmatan kaunseling mampu menjadi landasan bagi menangani konflik mahupun kekusutan yang dihadapi dapat diselesaikan dengan baik.

Perkhidmatan kaunseling adalah merupakan sebagai tempat rujukan, memberi nasihat malah sumber bagi mendapatkan motivasi apabila seseorang individu memerlukan agar ia dapat menjalankan kehidupan dengan sempurna. Perkhidmatan ini merupakan salah satu langkah yang dapat membantu dalam menyelesaikan konflik atau permasalahan yang berlaku. Walaupun terdapat beberapa isu atau konflik yang tidak dapat diselesaikan dengan baik namun ia memberikan serba sedikit pendedahan perkhidmatan ini secara meluas malah membuka mata pelbagai pihak dan ia mampu untuk mengurangkan masalah yang dihadapi sedikit demi sedikit.

Bidang kaunseling merupakan salah satu bidang yang sistematik dimana ia telah mendapat perhatian dalam membantu sesuatu isu atau permasalahan yang berlaku. Perkhidmatan kaunseling ini telah digunakan secara meluas di segenap pelusuk dunia. Burks dan Steffire (1979), telah menyatakan kaunseling ialah hubungan profesional di antara kaunselor yang terlatih dengan klien. Ini adalah merupakan konsep kaunseling dimana semasa dalam proses kaunseling ia memerlukan dua pihak iaitu pihak kaunselor dan klien. Menurut Krumboltz (1965), kaunseling adalah aktiviti yang berlandaskan kepada etika-etika tertentu yang memerlukan kepada pelan-pelan tindakan yang dirancang bersama klien untuk mencapai penyelesaian terhadap permasalahan yang dihadapi.



Ia disokong dengan *American Counseling Association* (ACA) (2016), dimana kaunselor yang profesional akan membantu klien dalam mengenal pasti potensi dan matlamat terhadap masalah seperti ketidakstabilan emosi, membantu untuk meningkatkan kemahiran komunikasi dan adaptasi, menguatkan estim sendiri dan juga mempromosi perubahan tingkah laku dan kesihatan mental yang optimal. Dalam proses kaunseling, ia mempunyai peringkat dimana klien akan menetapkan matlamat dan tugas kaunselor dalam mengenal pasti potensi kekuatan mahupun kelemahan agar ia akan menjadi sebagai satu medium untuk klien tersebut melakukan perubahan. Hal ini kerana klien tidak menyedari berkaitan dengan aspek tersebut dan perkara itu telah menyebabkan wujudnya satu isu atau konflik dalam dirinya.



Kaunselor profesional akan menguasai pengetahuan dan kepakaran dalam pengendalian sesi dengan cara dan kaedah yang betul. Penggunaan teori mestilah diaplikasikan dengan betul dan ia mestilah bersesuaian dengan fahaman dirinya jika tidak ia akan memudaratkan klien. Kaunselor juga akan mencari alternatif dalam menyelesaikan masalah yang dihadapi berdasarkan pada teori-teori dan proses tersebut bukanlah sewenang-wenangnya dilakukan. Pembangunan yang semakin hari semakin membangun dan keperluan dalam perkhidmatan kaunseling seiring dengan kemajuan di negara kita.

Hal ini kerana ia mendapat tumpuan yang tinggi selari dengan keperluan rakyat. Nursyamimi Saidi dalam Berita Harian (2016), telah melaporkan bahawa keperluan kaunseling bukan sahaja di sekolah dan hospital tetapi perkhidmatan ini juga mendapat tempat dalam kebanyakan organisasi. Keperluan ini juga bukan sahaja pada organisasi



yang dinyatakan tetapi ia meliputi daripada permasalahan yang berlaku seperti isu rumah tangga, hubungan suami isteri dan dunia pekerjaan juga memerlukan khidmat ini.

Melalui Berita Harian (2020), telah melaporkan bahawa lebih 15,000 penjawat awam telah mendapatkan perkhidmatan kaunseling sejak pandemik covid-19. Penularan wabak ini telah memberi impak yang sangat besar kepada pelbagai sistem terutamanya dari segi ekonomi, sosial, kesihatan malah dalam pendidikan negara juga. Perubahan secara mendadak yang berlaku secara asasny memberikan tekanan dalam kehidupan serta pergerakan seharian bagi seseorang individu tersebut tidak mengira umur, bangsa dan agama. Perkara ini akan mengganggu kesejahteraan mental malah emosi dan akan mengalami tekanan dalam keadaan yang berbeza seperti kemurungan, keresahan dan sebagainya.

Agama atau dalam bahasa Arab iaitu *al-Din* dan bahasa Inggeris adalah '*religion*' yang berasal daripada perkataan Latin '*religio*' yang membawa maksud perhubungan antara manusia dengan sesuatu yang melebihi daripada kekuasaan manusia. William James seorang psikologi barat telah mengupaskan bahawa agama merupakan satu bentuk perasaan, pengalaman atau tindakan yang menganggapnya sebagai sesuatu yang bersifat ketuhanan dan ia dizahirkan melalui ritual, moral dan fizikal. Agama merupakan salah satu elemen penting dalam kehidupan sebagai seorang manusia.



Menurut kamus Dewan Bahasa dan Pustaka (2010), perkataan agama bermaksud kepercayaan pada Tuhan dan sifat-sifat kekuasaan Tuhan. Agama dari perspektif Islam merujuk kepada menjadikan ajaran Islam sebagai satu cara hidup atau *al-Din*. Abdul Rahman al-Nahlawi (2000), telah menyatakan bahawa penggunaan *Din*, maka Islam merupakan sistem agama atau sistem Ilahi yang sempurna dan mencakupi seluruh sistem kehidupan. Menurut pandangan Mohamed Hatta (2016), yang menyatakan bahawa agama adalah merujuk kepada pelbagai aspek tentang aktiviti keagamaan, kepercayaan dan doktrin agama.

Berbalik kepada isu agama, kaunseling, keperluan kaunseling telah dilihat sudah cenderung dengan konsep keagamaan, kerohanian dan moral. Penerapan elemen spiritual dalam kaunseling adalah merupakan satu keperluan yang telah diaplikasikan oleh pengamal-pengamal kaunseling pada masa kini. Menurut Malik Badri (1997), spiritual atau kerohanian dalam kaunseling merupakan persoalan penting yang perlu diberikan perhatian yang sewajarnya supaya ia akan lebih menepati keperluan semasa dan mampu untuk mengatasi permasalahan klien. Keperluan ini juga disokong dan disedari oleh Carl G. Jung (1933), yang mengakui bahawa nilai-nilai agama perlu diserapkan dalam aspek kaunseling.

Kepentingan kompetensi dalam pelaksanaan terhadap kaunseling perspektif Islam berkaitan spiritual. Ini berikutan dengan satu persidangan mengenai isu-isu spiritual dan agama yang diadakan pada tahun 1995 yang terhasilnya sembilan komponen berkaitan dengan kompetensi kaunselor untuk mengintegrasikan spiritual dan agama dalam sesi kaunseling (Miller, 1999). Ia ini menunjukkan bahawa





kaunseling pendekatan agama termasuk kaunseling Islam boleh dijadikan sebagai salah satu amalan dan nilai tambah dalam proses kaunseling dan sebagainya.

Perkara ini selari dengan Kamal (1995), konsep kaunseling Islam yang mempunyai elemen spiritual bukan sahaja merupakan satu perkhidmatan perhubungan di antara klien yang mempunyai masalah psikologi dengan seorang kaunselor terlatih untuk membantu klien bagi mengatasi masalah yang dihadapi, akan tetapi mencakupi hal-hal yang berkaitan dengan keimanan seseorang seperti ketuhanan, alam akhirat, pahala dosa, neraka, syurga dan hari akhirat. Perkara ini bagi membantu individu yang menghadapi permasalahan agar individu tersebut memperoleh ketenangan dan kesejahteraan hidup seperti individu lain. Sehubungan itu, pengamal kaunseling atau kaunselor pelatih perlu mempunyai kompetensi yang tinggi supaya mereka boleh memahami, menilai dan bertindak dalam memberikan perkhidmatan kaunseling yang berkesan. Hal ini penting kerana pendekatan psikoterapi Islam yang merujuk kepada perbahasan ulama terdahulu mampu membantu pesakit dalam mengurangkan tekanan atau stres yang dialami (Che Zarrina & Norhafizah, 2019).

Namun demikian, kajian khusus tentang mengetahui kompetensi kaunseling dalam menggunakan pendekatan perspektif Islam masih berkurang dan kajian yang lalu banyak memfokuskan kepada kaunseling Islam secara umum dan penekanan terhadap kajian yang akan dilakukan ini masih kurang dikaji dan walhal ia sewajarnya diteroka dengan lebih mendalam supaya ia dapat memberikan maklumat yang secukupnya bagi pengamal-pengamal kaunseling dalam konteks negara kita malah dapat membuka



ruang bagi penambahbaikan dalam bidang kaunseling Islam dan ia tidak asing dan terpisah dari kehidupan.

Kajian ini memfokuskan isu ini dan dilihat sebagai relevan kerana ia akan memperlihatkan dengan jelas berkaitan kompetensi kaunseling dalam menggunakan pendekatan perspektif Islam dalam kalangan kaunselor malah ia juga akan dilihat daripada konteks kaunseling itu sendiri dan ummah. Kajian yang akan dilakukan ini akan lebih terperinci dan mendalam bagi menambahbaik kompetensi dari sudut perspektif Islam dalam menyediakan dan memberikan perkhidmatan kaunseling kelak.

1.3 Penyataan Masalah

Melihat dalam konteks di negara kita, elemen agama dan kaunseling bukanlah sesuatu yang luar daripada kebiasaannya. Kaunseling dan agama merupakan satu proses dalam merasionalkan klien yang berteraskan nilai-nilai murni agar mereka dapat membentuk satu kehidupan yang diimpikan oleh setiap individu yang bergelar manusia. Isu yang dihadapi oleh manusia bukan sahaja berpunca daripada lahiriah tetapi ia berpunca dari aspek spiritual. Menurut Kamal (1995), elemen kaunseling Islam yang mempunyai aspek spiritual dan ia bukan sahaja merupakan satu perkhidmatan perhubungan di antara klien yang mempunyai masalah psikologi dengan seorang kaunselor profesional untuk membantu klien bagi mengatasi masalah yang dihadapi tetapi ia juga saling



berkait dengan keimanan seseorang seperti ketuhanan, kerohanian, pahala, dosa dan sebagainya.

Ia disokong oleh kajian Salasiah Hanim Hamjah (2010), dimana kajian yang dilakukan berhubung dengan bimbingan spiritual menurut al- Ghazali telah membawa keberkesanan antara penerapan elemen spiritual dan kaunseling. Ia memperlihatkan terdapat keperluan antara kaunseling dan spiritual malah terdapat unsur Islam yang bersesuaian seperti solat, zikir dan berselawat. Terdapat beberapa model psikologi telah memasukkan elemen spiritual dan keagamaan dalam konsep manusia. Sebagai contoh model yang diperkenalkan oleh Maslow, dimana beliau telah mengiktirafkan elemen karakter kosmik dan spiritual dalam kehidupan manusia sebagai satu kesungguhan dan keberanian.



Dalam konteks kaunseling di negara kita, elemen agama dalam kaunseling juga bukanlah sesuatu yang menjadi sesuatu yang luar dari kebiasaan. Salasiah Hanin Hamzah (2010), menjelaskan bahawa ia mempunyai hubungan antara kaunseling dan agama sehingga terdapat keberkesanan dan ia menjadi sesuatu yang diiktiraf oleh pengamal kaunseling. Kajian yang dilakukan menunjukkan bahawa terdapat perbincangan berkenaan dengan agama dan kaunseling dan dapat diperlihatkan tentang keperluan berkaitan dengan unsur-unsur agama yang bersesuaian. Ia jelas menunjukkan bahawa terdapat keperluan dan kaedah yang khusus dalam agama Islam agar dapat memasukkan elemen-elemen agama dalam kaunseling.





Menurut laporan daripada Berita Harian (2022), telah menyatakan bahawa gabungan psikologi dan spiritual dapat menghubungkan antara mental, fizikal, emosi dan spiritual iaitu jiwa dan rohani malah dapat mengukuhkan hubungan dalam konteks ibadat kepada Allah S.W.T. Hal ini menunjukkan betapa elemen kaunseling dan spiritual merupakan satu keperluan dan ia diiktiraf sebagai satu elemen yang amat penting dalam bidang ini. Menurut Mazdah, Raja Zirwatul Aida, Azlina (2015), yang menunjukkan terdapat integrasi yang sederhana antara agama dalam kalangan kaunselor. Menurut kajian ini integrasi agama dalam kalangan kaunselor boleh dipertingkatkan melalui latihan dan pendedahan yang berterusan dan ini merupakan satu permulaan yang baik bagi memantapkan kaunselor tersebut.



Hal ini kerana, kajian-kajian dalam negara telah menunjukkan dapatan atau keputusan yang positif dalam perkembangan ilmu kaunseling yang menggabungkan antara spiritual dan agama. Kajian ini disokong oleh Roslee Ahmad, Mohamed Sharif Mustaffa dan Sulaiman Shakib Mohd Noor yang menyatakan bahawa pendekatan barat kini tidak lagi sesuai digunakan bagi menangani isu atau permasalahan berkaitan kerohanian yang berlaku kepada pelajar malah pendekatan Islam dilihat dapat membantu kaunselor dalam menangani kerohanian klien. Penerapan elemen spiritual dalam kaunseling akan memberikan impak yang positif kepada kaedah penyelesaian terhadap masalah dalam kalangan klien.

Isu berkaitan kaunseling perspektif Islam ini dilihat mempunyai kaitan dengan kaunseling silang budaya dengan menyatakan bahawa manusia adalah bersifat multi budaya. Sebagai kaunselor, ia menjadi satu keperluan dari sudut silang budaya untuk





meningkatkan ilmu pengetahuan dan memahami pelbagai elemen. Aspek ini memainkan peranan yang penting dan melalui kaunseling perspektif Islam ia telah menyediakan satu platform agar kaunselor dapat memahami dan meneroka berkaitan kaunseling bagi membantu klien dengan lebih efektif kerana sifat agama Islam yang tidak mempunyai limitasi mahupun batasan serta serba serbi lengkap.

Menurut Coster (1997), dalam *Elizabeth Reynolds Welfel* bahawa 62% kaunselor dan ahli terapi bekerja ketika dalam tekanan dan 82% tidak beretika untuk sesi bersama klien. Perkara ini berkaitan dengan isu etika yang perlu ditangani dengan segera bagi mengelakkan klien mendapat bahaya yang berpunca daripada kompetensi kaunselor itu sendiri. Isu-isu berkaitan pengetahuan yang didapati dilihat ia bertentangan dengan dapatan Mazidah Dagang (2015), yang menyatakan bahawa sebahagian kaunselor tidak mempunyai pengetahuan bagaimana untuk mengintegrasikan agama dan kaunseling kerana tidak ada pendedahan mengenai perkara ini.

Berdasarkan kajian lepas terdapat pelbagai cabaran utama yang dihadapi oleh kaunselor dalam mengaplikasikan dan mengintegrasikan kefahaman berkaitan perspektif Islam. Hal ini kerana, kurangnya pengetahuan dalam kefahaman beragama dan menyatakan bahawa tidak mendapat latihan yang mencukupi semasa mengikuti pengajian di IPTA dan sebagainya dan kajian Yusmini Md Yusoff (2011), yang telah mengenalpasti bahawa terdapat kekurangan latihan dan kursus yang diterima dalam menangani nilai spiritual dan agama dalam kaunseling.





Pengamal kaunseling dan kaunselor seharusnya berusaha dan mempunyai kesungguhan untuk mencari dan meningkatkan pengetahuan berkaitan kompetensi kaunseling Islam yang perlu diterapkan di dalam kendalian sesi. Ini adalah bersesuaian dengan pandangan Neukrug (2007), yang berpendapat bahawa kaunselor yang kompeten dan cemerlang akan sentiasa menimba ilmu pengetahuan serta meneliti *trend* dan pendekatan kaunseling agar tidak ketinggalan dalam bidang yang diceburi (Zakaria, 2007: Zuria Mahmud, 2005).

Selain itu adalah kebimbangan kaunselor dalam meletakkan nilai kepada klien apabila mengintegrasikan kefahaman beragama. Perkara ini adalah saling berkait dengan nilai atau sikap yang perlu ada pada individu yang bergelar kaunselor dengan mementingkan dan menekankan nilai sensitiviti terhadap isu yang dialami oleh klien tersebut. Menurut Najlatun Naqiyah (2011), untuk menjadi seorang kaunselor yang menggunakan pendekatan agama seseorang itu tidak semestinya menjadi seorang yang patuh pada agama, memadai baginya menguasai sensitiviti terhadap spiritual kliennya. Oleh itu, dalam kajian seterusnya berkaitan kompetensi menangani isu spiritual dan agama secara inovatif (Sapora, Khatijah & Al-Amin, 2012).

Model dan pendekatan kaunseling perspektif Islam melihat manusia sebagai satu makhluk ciptaan Tuhan yang sempurna dan ia dijadikan dengan sebaik-baik kejadian. Perkara ini selari dengan firman Allah S.W.T dalam surah (at-Tin 95:4) yang bermaksud “*Sesungguhnya kami telah menciptakan manusia dalam bentuk yang sebaik-baiknya*”. Agama Islam adalah agama yang syumul dan lengkap dan





menggariskan beberapa pendekatan dan kaedah yang jelas tentang menangani masalah seperti yang dicatatkan dalam al-Quran:

Demi sesungguhnya, adalah bagi kamu pada diri Rasulullah itu contoh ikutan yang baik, iaitu bagi orang yang sentiasa mengharapkan keredhaan Allah dan balasan baik hari akhirat, serta ia pula menyebut dan mengingati Allah banyak-banyak (dalam masa susah dan senang). (al-Quran, al-Ahzab 33:21).

Ini memperlihatkan bahawa pendekatan berkaitan kaunseling perspektif Islam mempunyai potensi yang amat besar agar ia dapat diaplikasikan dalam sesi kaunseling yang melibatkan klien beragama Islam dan tidak menjadi satu kemungkinan apabila terdapat pengubahsuaian tentang proses maka ia sedikit sebanyak akan dapat diguna pakai apabila sesi dijalankan tanpa batasan serta menyeluruh. Manusia pada masa kini sering berlakunya pelbagai isu atau konflik berkaitan psikologi terhadap dirinya sehingga ia akan menjejaskan kesejahteraan diri individu tersebut. Isu ini telah dilihat dengan jelas bahawa manusia akan berada dalam keadaan tertekan dan mudah tewas dengan hasutan kehendak serta hawa nafsu seperti firman Allah S.W.T yang membawa maksud bahawa sesungguhnya manusia diciptakan dengan sifat keluh kesah.

Perkara ini menjelaskan bahawa terdapat hubungan antara *da'wah* dan kaunseling yang membincangkan tentang apa yang disebutnya sebagai kaunseling Islam mengikut kepada situasi-situasi tertentu. Proses kaunseling Islam merupakan satu proses *al-amr bi ma'ruf wa al-nahy an al-munkar* kerana ia menjadi kewajipan kepada



kaunselor untuk memberikan ketenangan dan penjelasan kepada klien dan sebagainya. Justeru itu, kaunselor memainkan peranan yang penting dalam memberikan kesedaran malah ia menjadi sebagai penghubung kepada jambatan keinsafan klien.

Tambahan pula, manusia meletakkan dirinya dalam keadaan yang lalai dan tidak memenuhi kehendak rohaninya dengan unsur-unsur yang positif serta tidak mementingkan tanggungjawab yang sepatutnya sehingga menghumbangkan diri mereka ke arah kancah permasalahan dan sebagainya. Sudah terang lagi bersuluh apabila isu ini semakin hari mendapat perhatian daripada pelbagai pihak dan melihat dari sudut kaunseling ia menjadi satu keperluan dan platform yang bertindak sebagai agen perubahan serta membantu mengemukakan beberapa kaedah menolong dan proses-proses kaunseling (Sapora Sipon & Ruhaya Hussin, 2013). Permasalahan yang berlaku dilihat bahawa pendekatan Islam dapat mencegah dan membantu dalam mencari penyelesaian dalam menggunakan pendekatan agama.

1.4 Tujuan Kajian

Kajian ini bertujuan untuk mengetahui dengan lebih mendalam berkaitan kompetensi mengikut pendekatan perspektif Islam dalam kalangan kaunselor pelatih terhadap pelaksanaan kaunseling perspektif Islam. Kompetensi kaunselor ini mengambil kerangka pelaksanaan sesi kaunseling berdasarkan daripada model kaunseling al-



Ghazali. Kajian ini dijalankan secara kualitatif dan kajian kes bagi mengkaji secara lebih mendalam daripada peserta kajian yang terlibat menggunakan soal selidik semata.

1.5 Objektif Kajian

Melalui kajian ini, terdapat beberapa objektif kajian yang dapat diketengahkan iaitu:

1.5.1 Meneroka elemen kompetensi kaunselor Muslim dalam kalangan kaunselor pelatih

1.5.2 Meneroka kompetensi kemahiran kaunselor terhadap pendekatan kaunseling perspektif Islam dalam kalangan kaunselor pelatih.

1.5.3 Meneroka halangan dan cabaran terhadap pendekatan kaunseling perspektif Islam dalam kalangan kaunselor pelatih.

1.6 Persoalan Kajian

Selari dengan bidang kajian yang diterokai berkaitan dengan mengetahui kompetensi menggunakan pendekatan perspektif Islam dalam sesi kaunseling dalam kalangan kaunselor, kajian ini juga menggariskan beberapa persoalan kajian yang perlu dihuraikan melalui kajian ini iaitu:



- 1.6.1 Apakah elemen kompetensi kaunselor Muslim terhadap pendekatan perspektif Islam?
- 1.6.2 Apakah kompetensi kemahiran kaunselor terhadap pendekatan kaunseling perspektif Islam?
- 1.6.3 Apakah halangan dan cabaran terhadap pendekatan kaunseling perspektif Islam?

1.7 Definisi Pemboleh Ubah

Kamus Dewan Bahasa Edisi Keempat (2017), mentakrifkan bahawa kompetensi adalah sebagai kecekapan yang dimiliki seseorang untuk melaksanakan tugas tertentu dengan mahir dan berpengetahuan. Kompetensi diri merupakan ciri yang khusus yang melatih seseorang dalam bidang tertentu yang merangkumi kemahiran, pengetahuan dan amalan malah turut menentukan pemikiran, nilai, watak dan pengendalian sesi yang dilakukan. Seorang kaunselor perlu memiliki kompetensi yang ditetapkan agar ia dapat menjalankan sesi malah dapat membantu seseorang itu dalam membuat keputusan terhadap isu yang dialami.



Selain itu, Kamus Dewan Bahasa Edisi Keempat (2010), menjelaskan bahawa kompetensi merujuk kepada konsep kecekapan seseorang individu dalam melaksanakan tugas dan tanggungjawab yang diberikan berdasarkan kepada kemahiran dan pengetahuan yang ada pada sesuatu bidang malah kompetensi kaunselor pula merujuk kepada pembentukan prinsip-prinsip yang menentukan kepada tingkah laku yang beretika serta amalan yang terbaik demi kemenjadian seorang kaunselor (Hadijah Johari & Abu Bakar Abdullah, 2021).

Menurut Barnett (2017), ia mestilah dilengkapi dengan kemahiran yang diperlukan malah perkara ini turut dinyatakan dalam Kod Etika Kaunselor Malaysia (2015), yang menyatakan bahawa kaunselor itu mestilah dilatih dalam persekitaran dalam lingkungan kecekapan dan profesional dalam mengikuti Kod Etika Lembaga Kaunselor. Selain itu, menurut Mohd Khir Johari (2016), seorang kaunselor mestilah mempunyai kelayakan yang diperlukan dalam diri individu itu agar ia akan menjadikan seseorang itu lebih profesional dengan kepercayaan yang dipercayai, mematuhi kod etika dan cuba untuk menyepadukan pandangannya tanpa mengenakan kepada klien.

1.7.2. Kaunseling

Corey (2012), menyatakan bahawa kaunseling adalah proses di mana seorang klien diberikan peluang untuk menerokai tentang aspek kehidupannya dan diri yang menimbulkan konflik pada dirinya. Menurut Akta Kaunselor, kaunseling adalah salah satu proses hubungan menolong yang sistematik dan ia berasaskan kepada prinsip





psikologi yang dilakukan oleh kaunselor. Hubungan ini adalah sebagai salah satu usaha untuk membawa perubahan dan perkembangan peribadi klien secara menyeluruh. Menurut Hassan (1983), telah mendefinisikan bahawa bimbingan dan kaunseling sebagai proses pengajaran dan pembelajaran psikologi yang berlaku dalam bentuk bersemuka (*face to face*) antara seorang kaunselor dengan klien dan ia disokong oleh Blocher dalam Sapora Sipon (2002), menjelaskan bahawa kaunseling ialah proses interaksi yang menggerakkan pemahaman yang bermakna terhadap diri dan persekitaran yang boleh menghasilkan pembentukan matlamat dan nilai tingkah laku.

Merujuk kajian ini, proses kaunseling merupakan sesuatu yang berterusan yang melibatkan hubungan antara kaunselor dan klien yang mempunyai matlamat tersendiri dan ia mestilah selari dengan hukum hakam Islam, melibatkan tahap-tahap dan langkah-langkah kaunseling yang telah ditetapkan malah ia mempunyai ciri khas dan juga selari dengan prinsip kaunseling itu sendiri. Ini merupakan sebagai satu proses menolong untuk menerokai, potensi, diri dan menggalakkan untuk celik akal berdasarkan perspektif Islam dengan penambahan nilai malah dapat memantapkan lagi dalam diri klien.

1.7.3. Kaunseling Perspektif Islam

Menurut Ishamuddin Hj. Ismail (1993), kaunseling perspektif Islam bermaksud satu proses hubungan yang berlaku secara bersemuka antara seorang kaunselor profesional dan klien sehingga ia mewujudkan hubungan keinsanan di mana berlakunya proses





penerokaan bagi potensi diri klien dalam mengembangkan semula segala sumber dalaman insan untuk menerima kebenaran. Matlamat yang ingin dicapai dalam kaunseling ialah memberikan keyakinan diri kepada seseorang yang berhadapan dengan ujian agar klien terus berusaha dan memberikan ketenangan jiwa dan harapan klien tidak berputus asa dalam kehidupannya (Sabri, 1995).

Nasir (2008), menjelaskan bahawa untuk memberi takrif yang tepat dan komprehensif mengenai ilmu kaunseling dalam Islam agar sukar. Walaubagaimanapun dalam agama Islam itu sendiri menerangkan bahawa ia mempunyai skop yang sangat luas dan komprehensif. Oleh itu, perkhidmatan yang diberikan oleh kaunselor bukan sahaja meliputi dari aspek nasihat atau bimbingan sahaja tetapi ia merupakan bantuan atau pertolongan bagi seorang klien agar memperolehi kesempurnaan dan kesejahteraan di dunia malahan akan membawa ke akhirat kelak.

Menurut Manaf (1995), kaunseling Islam menjurus kepada bimbingan dan nasihat dalam membuat pilihan oleh klien yang berdasarkan kepada ajaran al-Quran, sunnah dan hadis serta ijmak ulamak yang bertujuan untuk mendapatkan manfaat di akhirat malah tidak melupakan aspek keduniaan. Kaunselor tersebut perlu memantapkan diri atau mempunyai latihan yang secukupnya dalam bidang kaunseling dan agama malah ia mestilah memiliki sifat yang bersesuaian berkaitan bidang ini. Justeru itu, perkara ini amat penting dalam elemen kaunseling Islam kerana kaunselor adalah tempat rujukan bagi seseorang, contoh terbaik sebagaimana sabda Rasulullah SAW dalam hadis riwayat yang bermaksud “*sebaik-baik manusia adalah yang memberikan manfaat kepada manusia*”.





Amir Awang (2016), menyatakan bahawa kaunseling daripada perspektif Islam ini tidak mempunyai sebarang teori yang khusus tetapi ia banyak disandarkan kepada nas, sunnah, ijmak dan sebagainya yang mempunyai konsep Islam. Al-Ghazali juga turut memasukkan elemen tazkiyah selain beberapa elemen lain seperti melawan hawa nafsu, membuat sesuatu yang bertentangan dengan akhlak yang buruk atau pengawasan diri terhadap Allah dalam proses kaunseling. Ia selari dengan Nik Rosila Nik Yaacob (2002), prinsip asas dalam perspektif Islam menurut acuan al-Ghazali adalah mengembalikan manusia kepada realiti yakni penciptanya sendiri.

Menurut Zakaria dan Akhir (2017), kaunseling Islam di Malaysia bermula pada awal tahun 1980. Menurut Rahman dan Ismail (2013), tujuan kaunseling Islam adalah untuk membawa klien ke arah ketenangan diri dan jiwa yang meliputi dua aspek dalam kesempurnaan diri. Menurut Rassol (2016), kaunseling Islam adalah tindak balas kontemporari, sama dengan yang lain. Pendekatan terapeutik yang digunakan berdasarkan pemahaman Islam tentang fitrah manusia yang menggabungkan personaliti ke dalam proses tersebut. Pengamal kaunseling berpendapat bahawa perlunya bidang kaunseling dilakukan menggunakan perspektif serta mengikut prinsip Islam dan bukannya menjadikan pendekatan Barat sahaja sebagai rujukan kaunselor dan sebagainya.

Dalam kajian ini kompetensi terhadap kaunseling perspektif Islam adalah merujuk kepada model kaunseling al-Ghazali untuk dijadikan sebagai panduan atau rujukan utama terhadap kajian yang telah dilakukan.



1.8 Kepentingan Kajian

Kajian yang dijalankan ini adalah untuk mengetengahkan beberapa kepentingan yang dapat dibahagikan kepada beberapa elemen yang terdiri daripada ilmu dan teori, perkembangan bimbingan dan kaunseling khususnya kepada masyarakat budaya ketimuran.

1.8.1 Kepentingan Kepada Perkembangan Ilmu dan Teori

Kajian mengenai kaunseling perspektif Islam masih kurang dijalankan di Malaysia.

Kebanyakan kajian yang dijalankan adalah memfokuskan kepada kepentingan pendekatan Islam, asas-asas yang berkaitan pendekatan Islam dan sebagainya. Kajian yang dijalankan mampu untuk memberi gambaran dengan jelas berkaitan bagaimana kompetensi kaunseling mengikut pendekatan perspektif Islam yang lebih mendalam kepada pengamal kaunseling. Kajian ini juga dapat membantu kaunselor dalam meningkatkan lagi berkaitan ilmu pengetahuan mahupun kemahiran agar perkhidmatan yang diberikan akan lebih berkesan.

Selain itu, kajian ini juga menjadi sebagai satu panduan dalam membina personaliti dan penjiwaan agama yang lebih utuh daripada kaunselor mahupun klien. Kajian ini dapat memupukkan nilai-nilai agama dalam diri seperti *amanah*, *tabligh* dan *fatonah* dalam melahirkan kaunselor yang berpegang teguh kepada ajaran agama. Kajian ini juga dilihat dapat menyumbang kepada kemenjadian pelajar seperti yang

telah digariskan dalam Falsafah Pendidikan Negara dan ia juga boleh dijadikan sebagai model dalam amalan pengamal kaunseling agar ia akan menjadi lebih mantap untuk diterapkan di sekolah pada masa akan datang.

1.8.2 Kepentingan terhadap Perkembangan Bimbingan dan Kaunseling

Kajian yang dilakukan ini dapat menyumbang kepada perkhidmatan bimbingan dan kaunseling malah dapat membantu kaunselor dalam menjalankan perkhidmatannya. Kebanyakan pengamal kaunseling di negara ini dilihat masih cenderung dalam mengaplikasikan pendekatan Barat malah pada peringkat universiti adalah sebagai medium dalam memberikan pendedahan berkaitan pendekatan tersebut. Walhal, teori Barat yang telah kita pelajari seperti terapi tingkah laku, *Humanistik*, *Gestalt* dan sebagainya dilihat mempunyai kelemahan yang tersendiri apabila mengabaikan aspek dalaman iaitu unsur kerohanian.

Oleh yang demikian, ia menjadi satu keperluan apabila meletakkan intervensi agama sebagai rawatan yang akan menjadikan pendekatan tersebut lebih praktikal malah ia mampu memberikan sumbangan terhadap profesion bimbingan dan kaunseling. Hal ini penting kerana, pendekatan psikoterapi Islam mampu membantu dalam mengurangkan masalah dari segi aspek psikologi dan penyakit sosial malah nilai keagamaan ini juga dapat meningkatkan kesejahteraan dan kepatuhan terhadap rawatan yang diterima.

Aspek nilai keagamaan merupakan satu bentuk pendekatan yang berkesan dalam mendepani pelbagai isu dan konflik yang melanda di negara kita. Pada hari ini, kita boleh melihat bagaimana isu kesihatan mental disamping penularan wabak pandemik covid-19 yang semakin hari kian membimbangkan pelbagai pihak. Dengan adanya pendekatan ini, ia dapat membantu dalam meningkatkan aspek psikososial dan kesejahteraan mental. Kajian-kajian di Barat juga telah cenderung ke arah spiritual dan mengakui keberkesanannya. Melalui kajian ini, kita dapat melihat bahawa ia memenuhi kriteria dalam menyumbang kepada perkhidmatan bimbingan dan kaunseling malah ia juga menjurus kepada aspek keagamaan yang mengetahui kompetensi menggunakan perspektif Islam dalam sesi kaunseling.

1.8.3 Kepentingan kepada Masyarakat

Jika merujuk kepada isu yang berlaku pada hari ini dimana pelbagai permasalahan atau kepincangan yang berlaku berkaitan akhlak dan moral yang jauh menyimpang daripada agama. Perkara ini menunjukkan bahawa ia memerlukan satu keperluan dalam memberikan rawatan yang khusus berpaksikan agama dalam membantu masalah yang berlaku. Kajian ini juga dapat membantu meningkatkan kerohanian dalam diri para pelajar yang semakin hari sudah terhakis. Kajian ini sebagai satu usaha untuk menyedarkan mana-mana pihak berlandaskan kepada syariat Allah S.W.T yang terkandung dalam al-Quran dan al-Sunnah.



Pendekatan ini dilakukan adalah sebagai satu dakwah yang perlu dilaksanakan berdasarkan syariat agar dapat melahirkan ummah atau masyarakat bagi melahirkan kesejahteraan insan dan peradaban dalam pelbagai aspek intelek, rohani, emosi dan jasmani. Kajian ini juga saling berkait rapat dengan pembentukan akhlak individu yang bergelar sebagai kaunselor. Kajian ini juga mampu membawa ke arah yang positif dalam menyelesaikan kekusutan atau kerumitan agar ia akan membawa keberkesanan dalam kehidupan seseorang.

1.9 Batasan Kajian



Dalam kajian ini, terdapat beberapa batasan yang timbul dan penyelidik perlu memecahkan batasan tersebut kepada beberapa kriteria. Antara kriteria yang terlibat adalah seorang kaunselor pelatih yang beragama Islam dan mengamalkan prinsip Islam dalam kehidupan mereka. Kajian ini hanya dijalankan di Universiti Pendidikan Sultan Idris maka dapatan kajian tidak dapat digeneralisasikan di universiti awam yang lain. Seterusnya, kaunselor mempraktikkan kaunseling Islam kerana ia bersangkutan dengan kompetensi dan pengalaman mereka dalam mengendalikan sesi kaunseling. Pengkaji telah memilih lingkaran umur 24 tahun keatas disebabkan faktor-faktor yang tertentu dan sebagainya. Universiti ini dipilih kerana memudahkan pengkaji untuk mendapatkan maklumat yang diperlukan.




1.10 Kerangka Konseptual Kajian

Sub topik ini akan menerangkan tentang kerangka konseptual dalam kajian ini dimana akan digambarkan dalam bentuk gambar rajah yang mempunyai perkaitan antara elemen yang terlibat. Kerangka ini merupakan sebagai panduan secara visual kepada pengkaji untuk memfokuskan kepada kajian yang akan dilaksanakan. Ia adalah untuk menjelaskan tentang konsep dan hubungan antara konsep, menyediakan konteks untuk interpretasi dapatan, menghurai pemerhatian dan membina teori. Ia merupakan penerangan visual yang dapat difahami secara ringkas malah dapat memudahkan pengkaji dalam kajian yang dilakukannya.

Kerangka kajian ini telah menggunakan model kaunseling yang dirujuk daripada model kaunseling al-Ghazali. Menurut Yatimah (2005), dimana ia menerangkan berkaitan kompetensi seorang kaunselor melalui pengetahuan dan kemahiran yang digunakan oleh kaunselor yang terkandung dalam kerangka dan ia wujud dan menjadi sebagai satu asas kepada apa yang perlu dikaji oleh pengkaji. Model kaunseling yang telah diperkenalkan oleh al-Ghazali yang menggunakan pendekatan kaunseling Islam melalui analisis kualitatif model yang berasaskan daripada sifat-sifat manusia. Aspek ini telah disusun untuk diaplikasikan kepada klien dan membolehkan kompetensi kaunseling ini berlangsung secara holistik dan dapat memberikan kehidupan klien dengan kehidupan sebaiknya.

Kerangka model ini menekankan berkaitan proses untuk memahami jiwa klien dari aspek kompetensi kaunseling Islam dan kefahaman supaya menerusi perkara tersebut akan berupaya untuk memberikan klien celik akal berkaitan agama dan merasai kasih sayang dan kebesaran Allah dalam dirinya. Model ini juga memberi penekanan terhadap aspek ibadah dan hukum asas yang menjadi panduan dalam kehidupan seorang kaunselor ataupun seorang Muslim itu seperti wajib, haram, sunat malah ia perlu diberikan perhatian terhadap kaunseling yang bersesuaian.

Mengetahui Kompetensi Kaunseling Menggunakan Pendekatan
Perspektif Islam Dalam Kalangan Kaunselor



Rajah 1.1. Kerangka Konseptual Kajian. Diadaptasi daripada model kaunseling al-Ghazali

1.11 Rumusan

Bab ini secara keseluruhannya membincangkan berkaitan pengenalan kepada kajian melalui latar belakang, pernyataan masalah, tujuan kajian, objektif kajian, soalan-soalan yang dikemukakan untuk dijawab dalam kajian ini. Kesemua subtopik yang telah dibincangkan dalam bab ini adalah untuk memberi pemahaman dan pengetahuan berkaitan apa yang dikaji dan menumpukan kepada beberapa aspek dalam kajian ini.